

Kemudahan OKU di stadium dipertingkatkan

KUALA LUMPUR - Perwakilan daripada persatuan-persatuan orang kurang upaya (OKU) baru-baru ini dijemput untuk melawat kemudahan mesra golongan OKU di okasi stadium Kuala Lumpur Sports City di Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pengarah Urusan MRCB dan Pengarah Projek KL Sports City, S Nalgunalingam berkata, perhatian ditumpukan terhadap kemudahan akses untuk masuk ke dalam awasan stadium, akses lawang putar (turnstile) yang dipertingkatkan untuk golongan OKU.

"Kami meneroka sebagai pendekatan dalam memaksimumkan keselesaan dan memastikan bahawa kemudahan bagi golongan OKU adalah patuh sepenuhnya kepada piawaian (S1184:2002).

"Contohnya, di Stadium Nasional dan Pusat Akuatik Bukit Jalil, ruang rehat bagi penonton OKU dibina pada tahap grid, sekaligus memberi mereka peluang untuk sampai ke tempat duduk mereka tanpa perlu menaiki tangga," katanya.

Beliau berkata, lawatan tersebut juga diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang apa-apa penambahbaikan



Nalgunalingam (kiri) menerangkan kemudahan stadium baru kepada Poh Onn (dua, kiri) dan Bathmavathi ketika lawatan mereka di Kuala Lumpur Sports City di Bukit Jalil, baru-baru ini.

yang dapat dilakukan untuk memastikan penonton OKU tidak keciciran dalam menikmati pengalaman di stadium.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Azman Fahmi Osman dan Senator, K Bathmavathi.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat Majlis Rehabilitasi

Kebangsaan, Yong Poh Onn, mengalu-alukan semua penambahbaikan tersebut.

"Saya pernah datang ke stadium lama beberapa kali sebelum ini, justeru sumbangan MRCB dan PSM dalam membangunkan dan menaik taraf kemudahan stadium bagi golongan OKU merupakan usaha yang mengagumkan," katanya kepada *Sinar Harian*.